

29 JUN 1999

MAHATHIR-YTL

YTL TIDAK BOLEH TERUSKAN PROJEK JANAKUASA DISEBABKAN BANTAHAN, KATA PM

PUTRAJAYA, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata YTL Corporation Bhd tidak boleh meneruskan projek stesen janakuasa yang dicadangkan di Zimbabwe kerana beberapa pihak di dalam dan luar negara Afrika itu membantah cadangan tersebut.

Katanya, berikutan itu, kumpulan pembina prasarana tersebut terpaksa menarik diri daripada projek itu yang sepatutnya dapat meningkatkan bekalan tenaga selain daripada meningkatkan pembangunan industri di negara tersebut.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh seorang wartawan dari Zimbabwe tentang sebab-sebab projek yang dirancang oleh syarikat-syarikat Malaysia di negara itu tidak disiapkan, dalam satu sesi dialog dengan 18 wartawan Afrika di pejabat beliau di sini.

Perdana menteri berkata, YTL Corporation Bhd, sebuah syarikat pelbagai aktiviti yang disenaraikan di Papan Utama dan mempunyai operasi yang meluas di seberang laut, merupakan salah sebuah syarikat yang meraih keuntungan besar di Malaysia dan sangat berupaya menjalankan projek-projeknya di Zimbabwe jika tidak disebabkan oleh masalah-masalah ini.

Pada 15 Okt, 1998, Zimbabwe dan YTL Power International Bhd, sebuah anak syarikat YTL telah menandatangani surat kontrak bagi penswastan dan pembesaran Stesen Janakuasa Hwange.

Penswastan yang dicadangkan itu membabitkan peningkatan keupayaan Stesen Janakuasa Hwange yang ada sekarang sebanyak 600 megawatt dengan membiayai dan memajukan dua unit baru 300 MW bagi meningkatkan keupayaannya kepada 1,580 MW bagi Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik Zimbabwe.

"Jika tidak kerana gangguan tersebut, YTL tentu telah dapat menyiapkan projek di Zimbabwe itu jika kita dapat mengelakkan masalah-masalah seperti bantahan dari dalam negara itu," tegasnya.

Dr Mahathir juga menyebut sebuah lagi projek stesen janakuasa di Tanzania yang, walaupun telah disiapkan, tidak boleh beroperasi kerana "orang dari luar negara" mengganggu projek tersebut.

Bagaimanapun, katanya beberapa syarikat yang mempunyai projek di negara-negara Afrika mungkin menjual aset mereka kerana mereka mungkin menghadapi masalah kewangan disebabkan oleh krisis ekonomi.

Contohnya, syarikat Malaysia yang bercadang membangunkan zon perdagangan bebas di Ghana juga sedang menghadapi masalah kewangan.

Namun begitu, kata beliau Malaysia komited terhadap usaha mempertingkatkan kerjasama ekonomi Selatan-Selatan dengan negara-negara Afrika seperti yang terbukti melalui pelaksanaan projek-projek perumahan kos rendah di Namibia, malah juga melatih pegawai-pegawai mereka di sini mengenai cara-cara menguruskan skim perumahan. --BERNAMA

MR KY OS